

Ony Nurhusni Mahad Nor

Pengarah Urusan
MOS Nutraceutical Sdn Bhd

Kami mempunyai pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memberi tumpuan dalam penghasilan produk kesihatan berdasarkan durian belanda dan tahun ini juga kami akan mengeluarkan beberapa produk baru”



Produk berdasas durian Belanda

MOS Nutraceutical yakin kerjasama UPM hasilkan produk

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

MOS Nutraceutical Sdn Bhd menaysarkankan jualan 25,000 unit produk barunya berdasarkan durian belanda tahun ini apabila disokong oleh peluasan pasarananya ke Indonesia, Brunei dan Singapura.

Pengarah Urusannya, Ony Nurhusni Mahad Nor ber-

kata, pihaknya percaya jumlah itu dapat dicapai menerusi 500 rangkaian pengetahuan termasuk farmaasi yang dijangka meningkat sekali ganda menjelang akhir tahun ini.

Katanya, menerusi produk Jus Annona yang dihasilkan dengan pembungkusan baru iaitu dalam bentuk sachet juga dijangka memberi lebih banyak pilihan kepada pelanggan dalam dan luar negara.

"Kami mempunyai pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memberi tumpuan dalam penghasilan

FAKTA
Syarikat mahu keluarkan produk baru berdasarkan daun belanda dalam bentuk 'roll-on, losen'



ONY menunjukkan rangkaian produk berdasarkan durian belanda.

produk kesihatan berdasarkan durian belanda dan tahun ini, kami akan mengeluarkan beberapa produk baru antaranya dalam bentuk roll-on atau losen untuk mengurangkan Bengkak pada sendi, lutut serta otot.

"Syarikat juga dalam usaha menembusi pasaran global menerusi sistem pemasaran digital dan kami yakin produk Jus Annona dapat menerokai seluruh pasaran dunia dalam tempoh tiga tahun," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, sebagai syarikat pertama yang memfokus kepada produk kesihatan menggunakan durian belanda, pihaknya mempelawa orang ramai yang berminat menjadi usahawan menambah pendapatan.

Ony berkata, untuk menjadi ejen, modal diperlukan

hanya RM350, manakala margin keuntungan pula sebanyak 30 peratus dan pihaknya akan memberi bimbingan untuk memulakan perniagaan.

Beliau berkata, Jus Annona adalah makanan tambahan kesihatan berfungsi sebagai terapi alternatif untuk mengatasi atau mengurangkan pelbagai masalah kesihatan termasuk kanser.

"Setakat ini, syarikat mengeluarkan produk Jus Annona dan teh durian belanda dengan harga bermula dari RM59 hingga RM188. Untuk maklumat lanjut boleh melawati www.annonaofficial.com.

"Bagi perancangan jangka panjang, kami akan cuba mengeluarkan pelbagai produk daripada suplemen sehingga kepada kosmetik berdasarkan durian belanda," katanya.